



UNIVERSITI ISLAM PAHANG  
SULTAN AHMAD SHAH  
جامعة السلطان احمد شاه الإسلامية بپهانيڠ  
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

# SEMINAR KEPENDUDUKAN NEGERI PAHANG SEMPENA HARI PENDUDUK SEDUNIA 2025

“Generasi Alpha : Nadi Masa Depan Pembangunan  
Pahang”

**17 JULAI 2025**

**AUDITORIUM TUNKU CANSELOR**

**UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH**





LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

Disediakan oleh:

**LPPKN Negeri Pahang**

**Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara**

17 Julai 2025



Telefon : +603-2613 7555



Faks: +603-2693 7250



Laman Sesawang: [www.lppkn.gov.my](http://www.lppkn.gov.my)



Email: [penduduk@lppkn.gov.my](mailto:penduduk@lppkn.gov.my)



Facebook: Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara



X: @lppkn

## **ISI KANDUNGAN**

<b>1.0 PENDAHULUAN .....</b>	<b>4</b>
<b>3.0 UCAPTAMA.....</b>	<b>7</b>
<b>4.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA .....</b>	<b>10</b>
<b>KERTAS KERJA 1: Trend Kesuburan di Pahang.....</b>	<b>10</b>
<b>KERTAS KERJA 2: Penurunan Kesuburan Negara.....</b>	<b>12</b>
<b>5.0 FORUM KEPENDUDUKAN .....</b>	<b>17</b>
<b>CABARAN KESIHATAN REPRODUKTIF BELIA DI PAHANG: REALITI DAN JALAN PENYELESAIAN .....</b>	<b>17</b>
<b>6.0 UCAPAN ALUAN .....</b>	<b>25</b>
<b>7.0 UCAPAN PERASMIAN .....</b>	<b>26</b>
<b>8.0 MAKLUM BALAS PESERTA.....</b>	<b>29</b>

## 1.0 PENDAHULUAN

Negeri **Pahang Darul Makmur** adalah sebuah negeri yang memiliki keluasan geografi terbesar di Semenanjung Malaysia, negeri ini memainkan peranan penting dalam konteks pembangunan ekonomi dan sosial negara. Walaupun mempunyai kekuatan utama dalam sektor sumber asli, pelancongan, dan pertanian, Negeri Pahang juga tidak terkecuali daripada mengalami arus perubahan demografi dan struktur umur penduduk yang signifikan.

Peningkatan akses pendidikan tinggi, terutamanya bagi wanita, telah membuka peluang yang lebih luas untuk menyertai pasaran kerja profesional. Akses kepada maklumat dan kesedaran mengenai perancangan keluarga turut mempengaruhi keputusan peribadi, yang secara semula jadi menyebabkan isi rumah di Pahang cenderung untuk mempunyai bilangan anak yang lebih kecil.

Trend demografi ini, apabila digabungkan dengan peningkatan jangka hayat, meramalkan bahawa populasi Pahang akan mengalami penuaan, di mana nisbah warga emas akan meningkat berbanding kumpulan umur muda seperti kanak-kanak dan belia iaitu kumpulan Generasi Alpha. Perubahan struktur umur ini akan membawa impak yang ketara kepada pelbagai aspek, termasuk tekanan terhadap pasaran tenaga kerja, peningkatan nisbah tanggungan bagi warga emas, serta cabaran dalam memastikan kesinambungan pembangunan sosioekonomi negeri.

Oleh yang demikian, Seminar ini bertujuan untuk melihat bagaimana Pahang boleh menyeimbangkan pertumbuhan ekonomi dengan keperluan sokongan sosial dan infrastruktur bagi Generasi Alpha yang akan mewarisi dan memacu negeri ini.

Sehubungan dengan keperluan untuk membincangkan isu ini secara mendalam, Seminar Kependudukan Negeri Pahang 2025 (SKNP 2025) dianjurkan tepat pada masanya bersempena dengan sambutan Hari Penduduk Sedunia 2025 pada bulan Julai. Seminar ini bertujuan untuk mewujudkan platform perbincangan komprehensif mengenai dasar dan langkah intervensi yang perlu diambil bagi memperlambatkan trend penurunan kadar kesuburan serta mempersiapkan negeri Pahang menghadapi perubahan demografi yang pesat.

SKNP 2025 merupakan usaha kolaboratif yang penting, dianjurkan bersama oleh **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Kerajaan Negeri Pahang, Ahli Parlimen Paya Besar dan Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS).**

Tema seminar julung kali ini ialah “**GENERASI ALPHA PAHANG, NADI MASA DEPAN**”. Seminar ini akan memfokuskan perbincangan kepada impak, cabaran, dan peluang yang ditimbulkan oleh perubahan demografi, khususnya berkaitan isu penurunan kadar kesuburan dan hubungannya dengan pembangunan generasi muda.

Objektif utama penganjuran SKNP 2025 adalah:

- Untuk mengupas dan membincangkan isu dan cabaran dinamik penduduk semasa serta hubung kait dengan pembangunan Negeri Pahang.
- Untuk menyediakan platform bagi penggubal dasar, ahli akademik, dan penyelidik untuk membentangkan hasil penyelidikan dalam bidang berkaitan kependudukan, kekeluargaan, dan kesihatan reproduktif serta menghasilkan usul-usul cadangan yang boleh diketengahkan di Negeri Pahang.

Laporan ini merupakan laporan penuh dan terperinci SKNP 2025 yang merangkumi semua sesi yang diadakan, termasuk ucapan pembukaan dan perasmian, ucap tama, pembentangan kertas kerja, forum, sesi soal jawab, dan penutup.

## 2.0 SEMBANG SANTAI LEBIH AWAL LEBIH BAIK

**Dr. Nurul Syahirah binti Ramlee, Pegawai Perubatan Klinik Nur Sejahtera Kuantan**, memberi penekanan terhadap isu kadar kelahiran yang rendah dan kadar kematian yang tinggi di Malaysia yang sebahagian besarnya berkait rapat dengan masalah subfertiliti. Menurut beliau, subfertiliti bukan sahaja menjejaskan keupayaan reproduktif pasangan, malah turut memberi kesan terhadap kesejahteraan emosi dan kesihatan mental, khususnya dalam kalangan wanita.

Antara faktor utama yang dikenal pasti menyumbang kepada masalah subfertiliti termasuk amalan penggunaan vape dan rokok, kitaran haid yang tidak teratur sama ada terlalu pendek atau terlalu panjang, faktor umur, pemakanan yang tidak seimbang, gaya hidup tidak sihat serta pelbagai masalah kesihatan lain. Faktor-faktor ini memerlukan perhatian serius kerana ia memberi implikasi langsung terhadap perancangan keluarga dan struktur kependudukan negara.

Melalui Program Kesuburan LPPKN, setiap pasangan yang mendapatkan perkhidmatan akan menjalani penilaian menyeluruh yang merangkumi pengambilan sejarah pasangan, pemeriksaan profil kesihatan, saringan hormon, imbasan ultrasound serta ujian analisis sperma bagi lelaki. Hasil tinjauan yang dikongsikan menunjukkan bahawa satu (1) daripada enam (6) pasangan dikenal pasti mengalami masalah kesuburan. Penekanan terhadap konsep “lebih awal lebih baik” diberikan, khususnya kepada wanita, memandangkan kualiti dan kuantiti ovum akan menurun dengan ketara apabila usia mencecah 35 tahun dan ke atas.

Selain itu, Dr. Nurul Syahirah turut menjelaskan peranan Program Bantuan Rawatan Kesuburan dan Advokasi Subfertiliti (BuAI) di bawah LPPKN sebagai inisiatif sokongan kepada pasangan yang memerlukan. Program ini mensasarkan seramai 1,300 pasangan yang layak menerima rawatan, termasuk rawatan Intrauterine Insemination (IUI) dengan had maksimum dua (2) kitaran. Program ini turut menyediakan perkhidmatan sokongan seperti kaunseling, konsultasi, saringan serta rawatan berkaitan kesuburan dan kesejahteraan kesihatan lelaki.

Sebagai rumusan, beliau menegaskan bahawa tindakan awal serta amalan gaya hidup sihat merupakan elemen penting dalam usaha meningkatkan kadar kesuburan.

Amalan pemakanan seimbang, pengurusan stres yang berkesan, tidur yang mencukupi serta komitmen bersama antara pasangan, disokong oleh perkhidmatan dan program kesuburan LPPKN, diyakini dapat membantu mengurangkan kadar subfertiliti di negara ini.

### 3.0 UCAPTAMA

Ucaptive ini telah disampaikan oleh **Yang Berhormat Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah**. Beliau memulakan ucapan dengan menyampaikan takziah kepada waris dan warga UNIPSAS atas kehilangan dua pelajar, disusuli dengan penegasan bahawa undang-undang dan dasar yang digubal hari ini perlu menjurus kepada pembinaan kehidupan dan kesejahteraan populasi di Pahang, dan bukan hanya terhad kepada pembangunan ekonomi semata-mata. Walaupun kadar kesuburan di Pahang stabil pada 2.1 anak per wanita, isu kritikal adalah berkenaan kesediaan negeri untuk menampung masa depan seramai 436,548 orang Generasi Alpha (berumur 14 tahun ke bawah).

YB Dato' Indera menegaskan bahawa Pahang kini berdepan cabaran demografi yang besar, termasuk populasi yang menua dan ketidakpadanan kemahiran. Pembangunan yang tidak seimbang akan memperbesar jurang sosial melalui tiga jurang pembangunan utama: jurang pembangunan bandar dan luar bandar, jurang ekonomi-sosial, serta jurang demografi masa depan. Beliau turut memberi amaran bahawa peningkatan populasi menua boleh menyebabkan penguncupan KDNK sebanyak 5.5 peratus bagi setiap 10 peratus peningkatan warga emas, selain memberi tekanan kewangan dan hutang awam. Selain itu, negeri menghadapi kerugian besar akibat penghijrahan bakat golongan muda mahir ke negara maju.

YB Dato' Indera merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah pimpinan YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail. Laporan prestasi ekonomi telah membuktikan bahawa dasar "Pahang First" bukan sekadar slogan, tetapi telah diterjemahkan kepada pencapaian nyata. Untuk tahun 2024, pertumbuhan KDNK negeri mencatatkan angka memberangsangkan sebanyak 5.7 peratus, iaitu melebihi purata nasional. Selain itu, negeri turut merekodkan pelaburan masuk yang besar serta kejayaan mengurangkan hutang negeri sebanyak RM2.3 bilion dalam tempoh tiga tahun, hasil peningkatan ketara dalam pendapatan

negeri. YB Dato' Indera turut menyenaraikan aset strategik Pahang yang berpotensi menjadi pemangkin perubahan, termasuk sumber mineral nadir bumi, ECRL, dan Central Spine Road (CSR).

Pembangunan sektor berteknologi tinggi di Pahang seperti projek *Carbon Capture* dan industri aeroangkasa menghadapi cabaran utama ketidakpadanan antara keperluan industri dan minat pelajar tempatan dalam bidang STEM. YB Dato' Indera memaklumkan bahawa minat pelajar dalam aliran STEM masih sekitar 40 peratus, jauh daripada sasaran 60 peratus yang diperlukan untuk menjayakan ekonomi masa depan.



Bagi menangani isu ini, YB Dato' Indera mencadangkan tiga langkah segera:

1. Mewujudkan program mentor-mentee antara pelajar dan profesional industri.
2. Melaksanakan program pendedahan awal seperti "Industrial Mind" untuk memberi pendedahan tentang peluang kerjaya dalam bidang STEM dan TVET.
3. Kerajaan Negeri digesa menawarkan insentif biasiswa khas untuk pelajar Pahang dalam bidang STEM. Selain itu, Literasi Kewangan dicadangkan untuk diintegrasikan seawal mungkin dalam sistem pendidikan (dari peringkat prasekolah) bagi memastikan kemampuan ekonomi generasi akan datang.

Tiga fokus pembangunan utama telah disarankan oleh YB Dato' Indera agar selaras sepenuhnya dengan aspirasi 'Pahang First' dan menjamin kesejahteraan Generasi Alpha:

- Fokus Pertama: Memperkasa ekonomi rakyat dan belia, melalui pembangunan ekosistem keusahawanan komuniti (FELDA, Orang Asli) dan menyokong sektor baharu seperti pertanian pintar dan ekonomi digital.
- Fokus Kedua: Pelaburan dalam modal insan dan literasi masa depan, yang melibatkan perluasan program TVET, STEM, dan Pendidikan Digital, di samping mengintegrasikan nilai, akhlak, literasi moral, dan empati.
- Fokus Ketiga: Infrastruktur sosial yang menjamin kesejahteraan, seperti peningkatan akses kepada kesihatan primer, pendidikan awal kanak-kanak, dan kemudahan asas di luar bandar.

YB Dato' Indera turut menyentuh isu kritikal yang menjejaskan potensi anak-anak, iaitu Malnutrisi. Dilaporkan bahawa lebih satu daripada lima anak kecil mengalami bantut (21.2 peratus), di samping masalah obesiti dan amalan pemakanan remaja yang tidak sihat. Disarankan agar skim pemeriksaan kesihatan awal di sekolah diperluaskan secara berkala dengan menyediakan intervensi awal percuma untuk murid berisiko. Pelaksanaan kempen literasi pemakanan menyeluruh dan pembangunan bandar mesra keluarga (mengikut panduan UNICEF) juga disokong.

Akhir sekali, isu kesihatan awam seperti peningkatan kes HIV/AIDS dalam kalangan anak muda turut diberi penekanan. YB Dato' Indera menyatakan bahawa hampir separuh kes baharu HIV melibatkan usia 20 hingga 29 tahun, dan isu ini memerlukan pengenalan pendidikan seksual berasaskan nilai yang komprehensif. Selain itu, dicadangkan agar privasi capaian saringan HIV dipermudahkan untuk remaja bawah umur.

YB Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah menyimpulkan bahawa pertumbuhan negeri yang hebat dibina atas kepimpinan yang berwawasan, pentadbiran yang cekap, dan kerjasama rakyat yang padu. Generasi Alpha adalah nadi pembangunan masa depan, dan ini menuntut penggubalan dasar yang inklusif, memastikan pembangunan ekonomi dan sosial yang saksama dan seimbang, demi merealisasikan impian Pahang yang lebih maju, makmur, dan berdaya saing.

## 4.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Sesi Wacana Ilmiah ini telah diadakan bagi menganalisis secara terperinci trend kesuburan dan implikasinya terhadap pembangunan, dengan dikendalikan oleh **Encik Adzmel bin Mahmud, Pengarah Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga LPPKN**. Sebanyak dua kertas kerja utama telah dibentangkan. Sesi pertama menumpukan kepada **analisis data kesuburan tempatan di Pahang** dan kesannya terhadap pembangunan ekonomi serta perancangan negeri. Sesi kedua pula membincangkan **penurunan kadar kesuburan di peringkat nasional** serta mencadangkan intervensi dasar strategik dalam aspek kesihatan reproduktif bagi mencapai kestabilan populasi.

### KERTAS KERJA 1: Trend Kesuburan di Pahang

Kertas kerja ini telah dibentangkan oleh **Encik Razaman bin Ridzuan, Pengarah Jabatan Perangkaan Negeri Pahang**. Pembentangan ini bertujuan untuk menyediakan analisis komprehensif mengenai trend Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) di Pahang, iaitu purata bilangan anak yang dilahirkan oleh seorang wanita sepanjang usia reproduksinya, dengan paras penggantian ditetapkan pada 2.1 anak per wanita. Jabatan Perangkaan Negeri Pahang mendapati bahawa TFR Malaysia pada tahun 2023 berada di bawah paras penggantian (1.7). Walau bagaimanapun, Pahang mencatatkan pencapaian signifikan apabila TFR negeri kekal pada paras penggantian, iaitu 2.1. Angka ini meletakkan Pahang sebagai antara negeri dengan TFR tertinggi di Semenanjung Malaysia. Namun, Encik Razaman memaklumkan bahawa kadar kelahiran kasar (CBR) di Pahang menunjukkan trend menurun yang ketara, iaitu daripada 22.5 pada tahun 2000 kepada 14.7 pada tahun 2023.

Analisis lanjut mendapati bahawa kadar perkahwinan dalam kalangan penduduk belum berkahwin di Pahang juga menunjukkan trend menurun, daripada 56.78 per 1,000 pada tahun 2017 kepada 47.1 per 1,000 pada tahun 2022. Kumpulan umur 25–29 tahun kekal sebagai usia puncak perkahwinan bagi wanita di Pahang. Dari aspek kesihatan reproduktif, data Kadar Kelaziman Kontraseptif (CPR) di peringkat Malaysia menunjukkan trend tidak stabil dan menurun, mencapai 42.8 peratus pada tahun 2022, yang mungkin memberi petunjuk bahawa perancangan keluarga kurang dilaksanakan secara menyeluruh dalam kalangan pasangan.

Encik Razaman menjelaskan bahawa komposisi penduduk Pahang menunjukkan pergeseran ketara ke arah populasi menua. Peratus penduduk muda (0–14 tahun) menunjukkan penurunan berterusan, manakala golongan warga emas (65 tahun dan ke atas) telah meningkat kepada 6.8 peratus pada tahun 2024. Walaupun nisbah tanggungan menunjukkan penurunan, pergeseran struktur umur ini menimbulkan persoalan mengenai kesediaan negeri pada masa hadapan.

Jabatan Perangkaan Negeri Pahang mengunjurkan bahawa penduduk Pahang, yang berjumlah 1.67 juta pada tahun 2025, dijangka mencecah 2.49 juta menjelang 2060. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan penduduk tahunan dijangka akan menurun secara beransur daripada 1.3 peratus pada tahun 2025 kepada 0.6 peratus menjelang 2060. Perbezaan ini mengesahkan fenomena penuaan penduduk dan kelembapan pertumbuhan demografi. Jangkaan hayat ketika lahir di Pahang pada tahun 2024 pula adalah 78.1 tahun bagi perempuan kaum Cina (tertinggi) dan 68.5 tahun bagi lelaki kaum Bumiputera Lain (terendah).

Dari segi dinamik tenaga kerja, Encik Razaman memaklumkan bahawa Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) Pahang pada tahun 2023 adalah 65.4 peratus, dengan jumlah tenaga buruh keseluruhan meningkat kepada 735.7 ribu orang. Walaupun kumpulan umur muda (15–34 tahun) menunjukkan trend penurunan dalam penyertaan, terdapat peningkatan yang ketara dalam kumpulan umur 35–49 tahun. Selain itu, Jabatan Perangkaan Negeri Pahang mencatatkan bahawa Pahang menikmati migrasi bersih positif sebanyak 1.5 ribu orang pada tahun 2022. Angka migrasi positif ini memainkan peranan penting dalam mengimbangi kadar kelahiran kasar yang menurun dan membantu mengukuhkan saiz tenaga buruh negeri.

Analisis trend fertiliti ini memberi implikasi yang meluas kepada pembangunan sosioekonomi Pahang. Dari sudut ekonomi, trend fertiliti rendah di peringkat nasional memberi tekanan tidak langsung kepada negeri, terutamanya dari segi tekanan ke atas sistem pencen dan perkhidmatan kesihatan. Cabaran ekonomi lain yang dikenal pasti termasuk potensi kekurangan tenaga kerja muda akibat penuaan populasi, keperluan untuk mengekalkan saiz pasaran domestik, dan menguruskan ketaksamaan pembangunan wilayah.



Dari sudut sosial pula, tren fertiliti memberi tekanan kepada penuaan populasi dan menjejaskan dinamik keluarga dan struktur isi rumah. Perubahan demografi turut memberi kesan kepada sistem pendidikan, permintaan perumahan yang berubah, dan meletakkan tanggungjawab yang lebih besar ke atas sistem kebajikan sosial dan penjagaan kesihatan negeri. Isu-isu lain seperti insiden kemiskinan, kelewatan perkahwinan, dan faktor sosiobudaya juga turut menyumbang kepada implikasi sosial ini.

Encik Razaman bin Ridzuan menyimpulkan bahawa meskipun TFR Pahang kekal pada paras penggantian, trend penurunan kadar kelahiran kasar dan unjuran penuaan penduduk memerlukan perhatian serius daripada semua pihak. Oleh itu, dasar dan inisiatif strategik Kerajaan adalah amat perlu untuk menangani cabaran ini dan memastikan kesediaan Pahang menghadapi fenomena demografi masa depan.

## **KERTAS KERJA 2: Penurunan Kesuburan Negara**

Kertas kerja ini telah dibentangkan oleh **Dr. Wan Hilya Munira binti Mustapha, Ketua Pusat Kepakaran Subfertiliti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**. Beliau memulakan pembentangan dengan

menggariskan peranan LPPKN dalam menyokong kesuburan di Malaysia, yang merangkumi peningkatan kesedaran dan pendidikan kesihatan reproduktif, pelaksanaan penyelidikan trend kesuburan, kerjasama dengan pelbagai pihak, pemerksaan akses rawatan, serta penganjuran program libat urus komuniti. Beliau turut berkongsi sejarah penubuhan Klinik Subfertility LPPKN dan permulaan pelbagai perkhidmatan rawatan reproduktif, bermula seawal tahun 1979.

Dr. Wan Hilya Munira memaklumkan bahawa Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) penduduk Malaysia menunjukkan penurunan pesat, iaitu hampir separuh daripada 2.9 pada tahun 2000 kepada 1.6 pada tahun 2022. Terdapat beberapa faktor utama yang menyumbang kepada penurunan ini, termasuk peningkatan tahap pendidikan dan penyertaan wanita dalam tenaga kerja, trend menanggukkan perkahwinan, kekurangan keseimbangan antara kerja dan kehidupan, masalah kesihatan yang menghalang proses kehamilan, dan kemunculan struktur keluarga baharu seperti Keluarga Komuter dan Keluarga *DINK* (Pendapatan Berganda, Tiada Anak).

Ketua Pusat Kepakaran Subfertility LPPKN ini menekankan bahawa proses penuaan penduduk negara dijangka akan menjadi lebih pantas, didorong oleh penurunan berterusan TFR (di bawah paras 2.1) dan peningkatan jangka hayat penduduk. Beliau memberi amaran bahawa Malaysia boleh menghadapi penurunan populasi buat kali pertama menjelang tahun 2072. Sebagai akibat langsung, sasaran kuantitatif untuk mencapai 70 juta penduduk menjelang tahun 2100, yang ditetapkan di bawah Dasar Penduduk 70 Juta (1984), tidak akan tercapai.

Fenomena penuaan ini akan memberi impak besar kepada pertumbuhan ekonomi dan jaringan sosial. Dr. Wan Hilya Munira menjelaskan bahawa populasi kecil akan mengurangkan kadar perbelanjaan pengguna, menyekat pembangunan ekonomi melalui kadar inovasi yang perlahan, dan mengurangkan minat pelaburan kerana saiz pasaran yang kecil. Selain itu, populasi yang menua akan meningkatkan keperluan bayaran pencen dan kos kesihatan, manakala tenaga kerja yang lebih kecil akan terbeban untuk menanggung populasi yang lebih tua. Dari aspek kesihatan, sistem penjagaan kesihatan masa hadapan akan mengalami tekanan didorong oleh peningkatan penyakit degeneratif seperti dimensia, dan juga penyakit tidak berjangkit.

Bagi menangani cabaran ini, Dr. Wan Hilya Munira merujuk kepada Perbincangan

Meja Bulat bersama Merck Malaysia & Economist Impact pada tahun 2023, yang telah menghasilkan 15 resolusi di bawah lima bidang utama pembangunan dasar, termasuk Penjagaan Kanak-kanak, Dasar Sokongan Tempat Kerja, Insentif Kewangan, Bantuan Reproduktif, dan Dasar Pelengkap.



Secara khusus, Resolusi Bantuan Reproduktif mencadangkan penambahbaikan kemudahan pembiayaan awam bagi menjalani rawatan kesuburan, saranan kepada syarikat insurans untuk menawarkan perlindungan rawatan kesuburan, dan peningkatan aksesibiliti dengan menambah bilangan pusat rawatan kesuburan di sektor kerajaan dan swasta, pada kos yang berpatutan. Selain itu, penyelidikan mengenai isu subfertiliti juga disarankan untuk diperluaskan.

Ketua Pusat Kepakaran Subfertiliti LPPKN ini turut membentangkan inisiatif dan langkah ke hadapan ke arah dasar yang mesra kesuburan, termasuk:

- Dasar Keluarga Negara yang bertujuan memperkukuh institusi kekeluargaan.
- Pengecualian Cukai dan Insentif bagi rawatan kesuburan sehingga RM10,000, serta subsidi melalui JPA.
- Dasar Subsidi Penjagaan Kanak-kanak dan Dasar PEKERTI (pembentukan

nilai dan etika).

- Peranan LPPKN melalui Pusat Keperawatan Subfertiiliti dalam menawarkan rawatan yang mudah diakses.

Dr. Wan Hilya Munira turut menyorot inisiatif serantau bagi meningkatkan TFR, seperti Baby Bonus Scheme dan Akaun Pembangunan Kanak-Kanak (CDA) di Singapura, subsidi rawatan IVF di Thailand, dan penghapusan polisi dua anak serta insentif tunai di Vietnam.

Di peringkat LPPKN, beliau memperkenalkan Program Bantuan IUI dan Advokasi Kesuburan (BuAI), yang menyasarkan 30,000 anggota masyarakat. Program ini menyediakan kempen advokasi ("Lebih Awal Lebih Baik"), kaunseling, konsultasi, saringan, dan bantuan rawatan kesuburan kepada 1,300 pasangan yang layak, dengan anggaran kos RM 2,000 bagi setiap kitaran.

Sebagai kesimpulan, Dr. Wan Hilya Munira binti Mustapha menegaskan bahawa usaha mewujudkan Malaysia dengan dasar yang mesra fertiliti/pronatalist memerlukan usaha bersama dan berterusan. Tindakan sinergi perlu bermula sekarang melalui dasar inklusif, kerjasama erat, pendidikan, dan perkhidmatan fertiliti yang holistik dan komprehensif agar dapat membina ekosistem sokongan yang kondusif dalam membina keluarga yang sejahtera dan produktif.

## SESI SOAL JAWAB

### Soalan 1:

Adakah perlu risau dengan data demografi yang dibentang, adakah *trend* yang berlaku di Pahang/Malaysia seiring dengan negara maju yang lain?



**Jawapan:** Indikator TFR yang berlaku di Pahang 2.1 adalah masih dalam keadaan stabil. Pada tahun 2060 unjuran populasi menunjukkan tiada penurunan drastik tenaga buruh di Pahang. Tetapi yang merisaukan adalah jumlah peningkatan penduduk warga emas. Negara maju seperti Jepun dan Itali telah membina dasar kepada beberapa perkara asas seperti di Malaysia antaranya pelan jangka panjang dan pemberian insentif kewangan. Kajian spesifik perlu dilakukan dengan lebih mendalam seperti sebab mengapa golongan lelaki dan mengapa golongan wanita tidak berkahwin. Kedua-duanya mempunyai pendekatan dan sebab yang berbeza. Dasar kerajaan mensasarkan golongan warga emas ini akan terus menyumbang kepada masyarakat melalui program mentor-mentee.

**Soalan 2:**

Apakah peranan LPPKN dalam memperkasa keluarga?

**Jawapan:** LPPKN berperanan memperkasa keluarga melalui pendekatan menyeluruh merangkumi advokasi dasar, pendidikan, intervensi sokongan dan pemerkasaan kesejahteraan reproduktif. Dalam konteks kadar TFR yang rendah, LPPKN memainkan peranan penting dengan meningkatkan kesedaran tentang perancangan keluarga, kesihatan reproduktif serta cabaran berkahwin dan membina keluarga pada usia lewat.

Selain itu, LPPKN menyokong usaha kerajaan negeri seperti inisiatif perkahwinan beramai-ramai yang membantu mengurangkan beban kewangan pasangan muda, sekali gus menggalakkan pembentukan keluarga secara lebih awal dan stabil. LPPKN juga berfungsi sebagai medium penyebaran maklumat rasmi berkaitan insentif kerajaan, termasuk kemudahan pengeluaran Akaun 2 KWSP bagi rawatan kesuburan serta pengecualian cukai untuk rawatan tersebut, agar pasangan lebih berani mendapatkan intervensi awal.



Secara keseluruhannya, peranan LPPKN adalah memastikan setiap keluarga mempunyai akses kepada maklumat, sokongan dan perkhidmatan yang tepat supaya mereka dapat membuat keputusan berkeluarga secara terancang, sihat dan berdaya tahan, selari dengan usaha mengekalkan keseimbangan populasi negara.

## **5.0 FORUM KEPENDUDUKAN**

### **CABARAN KESIHATAN REPRODUKTIF BELIA DI PAHANG: REALITI DAN JALAN PENYELESAIAN**

Seminar diteruskan dengan sesi forum dengan kehadiran tiga (3) orang ahli panel jemputan. Sesi forum ini telah dijalankan dalam satu (1) pusingan dan setiap ahli panel diberikan tempoh selama sepuluh (10) minit bagi menjawab soalan yang dikemukakan.

**Moderator:**

**Dr. Bisha Fathamah binti Uzir**

Pensyarah Kanan

Kuliah Farmasi UIA Malaysia Kampus Kuantan

**Ahli Panel:**

**1. Dr. Iskandar Firzada bin Osman**

Pakar Perunding Perubatan Keluarga

Klinik Kesihatan Daerah Kuantan

**2. Dr. Siti Nora' Aeshah binti Zakaria**

Dekan Akademik Pengajian Quran Sunnah

Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS)

**3. Encik Saharuddin bin Ahmad**

Presiden

Majlis Belia Negeri Pahang



**Soalan 1:**

Laporan NHMS 2017 dan yang terkini pada tahun 2022 menunjukkan bahawa golongan remaja di Pahang mencatatkan kadar aktiviti seksual awal yang lebih tinggi berbanding purata nasional iaitu sekitar 9.5% dalam kalangan remaja. Laporan itu juga merekodkan peningkatan jangkitan HIV dalam kalangan remaja lelaki yang melakukan hubungan sejenis, khususnya berumur antara 20 hingga 29 tahun, yang merangkumi 45% daripada keseluruhan data. Selain itu, turut dilaporkan ialah peningkatan kes penyakit kelamin (STI).

Berdasarkan dapatan ini, apakah pendekatan utama yang telah atau sedang dilaksanakan di Pahang bagi memastikan remaja mendapat pendidikan dan perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif (SRH) yang komprehensif dan tepat? Apakah pula strategi praktikal dan berasaskan bukti yang boleh dilaksanakan di peringkat komuniti, sekolah dan negeri bagi menyokong remaja yang merupakan bakal pemimpin negara ke arah kehidupan yang sihat dan bertanggungjawab?

**Dr. Iskandar Firzada bin Osman**

Dalam mendepani cabaran peningkatan aktiviti seksual awal dan jangkitan HIV/STI di Pahang, pendekatan utama yang dilaksanakan adalah dengan memperkukuh akses remaja kepada perkhidmatan kesihatan yang mesra remaja di semua klinik kesihatan negeri. KKM bukan sekadar menyediakan rawatan klinikal, malah sedang memperluas jangkauan perkhidmatan melalui pengintegrasian elemen pendidikan kesihatan seksual dan reproduktif (SRH) yang tepat dan sahih. Fokus utama diberikan kepada usaha menormalisasikan bantuan awal tanpa stigma, di mana remaja digalakkan untuk tampil mendapatkan khidmat nasihat secara rahsia. Selain itu, penggunaan data daripada laporan seperti NHMS dijadikan asas untuk merangka intervensi yang lebih spesifik mengikut lokaliti, memastikan setiap maklumat yang sampai kepada remaja adalah berasaskan bukti saintifik dan bukannya sekadar mitos atau maklumat tidak tepat daripada media sosial.

Di peringkat sekolah dan komuniti, strategi praktikal yang perlu diperkasakan adalah melalui aplikasi **Psychological First Aid (PFA)** atau Bantuan Awal Psikologi. Strategi ini bukan hanya terletak di bahu petugas kesihatan, malah perlu dikuasai oleh guru,

pemimpin belia, dan masyarakat setempat. Dengan memiliki kemahiran mendengar secara aktif dan menunjukkan empati, kita dapat membina satu sistem sokongan yang teguh (supportive environment) yang membolehkan remaja berasa selamat untuk berkongsi masalah. Di peringkat negeri pula, kolaborasi rentas sektor antara jabatan kesihatan, pendidikan, dan badan bukan kerajaan (NGO) adalah krusial bagi memastikan program pendidikan SRH dilaksanakan secara komprehensif, bukan sahaja menyentuh aspek biologi tetapi juga melibatkan pengurusan emosi dan tanggungjawab sosial, demi melahirkan bakal pemimpin negara yang sihat dan berintegriti.



### Soalan 2:

Islam menekankan tanggungjawab ibu bapa dalam aspek **tarbiyah** iaitu pendidikan dan pemeliharaan anak-anak. Berdasarkan prinsip al-Quran dan Sunnah, bagaimanakah ibu bapa di Pahang boleh mengamalkan pendekatan komunikasi yang terbuka dan berkesan bersama remaja mereka mengenai isu kesihatan seksual dan reproduktif (SRH)? Apakah pula amalan atau pendekatan yang diinspirasi oleh al-Quran dan Sunnah yang boleh membantu membentuk jiwa remaja masa kini.

**Dr. Siti Nora' Aeshah binti Zakaria**

Dalam kerangka Islam, tanggungjawab ibu bapa bukan sekadar menyediakan keperluan material, malah yang paling utama adalah aspek *tarbiyah* iaitu pendidikan dan pemeliharaan jiwa anak-anak. Bagi ibu bapa di Pahang, kunci utama kepada komunikasi yang terbuka mengenai isu kesihatan seksual dan reproduktif (SRH) adalah dengan menjadikan rumah sebagai madrasah pertama yang penuh kasih sayang. Ibu bapa perlu memulakan langkah dengan menunjukkan teladan yang baik atau *qudwah hasanah*. Ini termasuklah menjaga batasan aurat dan memelihara adab kesopanan di dalam rumah, kerana anak-anak lebih cenderung mencontohi perbuatan ibu bapa berbanding hanya mendengar kata-kata. Apabila adab dan batasan ini diamalkan secara konsisten, anak-anak akan memahami nilai maruah dan kehormatan diri secara semula jadi.

Selain itu, pendekatan komunikasi yang berkesan haruslah berteraskan prinsip *amar ma'ruf nahi mungkar*. Ibu bapa perlu berani tetapi berhikmah dalam menegur anak-anak, serta mewujudkan ruang di mana remaja berasa selamat untuk bertanya tanpa rasa dihakimi. Satu teknik yang boleh diamalkan ialah apabila anak bertanya mengenai isu sensitif, ibu bapa disarankan untuk tidak terus mematikan soalan tersebut, sebaliknya menjawab dengan soalan semula bagi merangsang pemikiran kritis mereka. Pendekatan ini membantu membentuk jiwa remaja melalui penerapan konsep Ihsan, iaitu menanamkan kesedaran bahawa setiap gerak-geri mereka sentiasa di bawah pengawasan Allah SWT. Dengan merasa "nampak" Allah dalam setiap tindakan, remaja akan mempunyai benteng dalaman yang kuat untuk menjauhi kemungkar. Akhir sekali, senjata paling ampuh bagi ibu bapa adalah doa yang tidak putus-putus; memohon agar Allah menyelamatkan anak-anak daripada fitnah akhir zaman dan kecelakaan sosial, kerana doa ibu bapa adalah antara hijab yang paling nipis di sisi Allah SWT.

**Soalan 3:**

Kerajaan Negeri Pahang telah memperuntukkan lebih RM3 juta bagi pembangunan belia merangkumi bidang kepimpinan, sukarelawan dan inisiatif kesejahteraan. Sebagai seorang pemimpin belia yang diiktiraf melalui Anugerah Belia Pahang, apakah contoh projek atau model kepimpinan belia yang telah berjaya melibatkan

golongan remaja dalam isu Kesihatan Seksual dan Reproductif (SRH)? Bagaimanakah inisiatif tersebut boleh dikembangkan dan diperkukuh bagi memastikan penglibatan belia secara berterusan serta menjamin kesinambungan impaknya di peringkat komuniti?

**Encik Saharuddin bin Ahmad**

Sebagai penerima Anugerah Belia Pahang, saya melihat peruntukan RM3 juta yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri sebagai satu pelaburan strategik untuk membina modal insan yang berkualiti, memandangkan 27.5% daripada populasi di Negeri Pahang adalah golongan belia yang berada dalam lingkungan umur 15 hingga 30 tahun. Dalam menangani isu Kesihatan Seksual dan Reproductif (SRH), model kepimpinan yang kita tekankan adalah melalui pemerksaan komuniti akar umbi. Salah satu fokus utama kita adalah mendekati belia kampung atau golongan yang tidak pernah bermigrasi. Kelompok ini sering kali kurang terdedah kepada perancangan masa depan dan isu kesihatan reproductif, maka pendekatan kita bukanlah untuk mengajar secara satu hala, tetapi untuk memahami cara mereka berfikir dan menyesuaikan mesej SRH mengikut realiti kehidupan mereka.

Inisiatif ini perlu dikembangkan melalui model pembangunan belia yang lestari agar impaknya tidak bersifat sementara. Kita sedia maklum bahawa belia Pahang sentiasa berada di hadapan dalam penyertaan program-program anjuran kerajaan negeri, malah kualiti kepimpinan belia kita mampu bersaing di peringkat kebangsaan. Oleh itu, bagi menjamin kesinambungan impak di peringkat komuniti, kita harus memastikan projek SRH diintegrasikan ke dalam agenda pembangunan belia yang lebih luas. Pembangunan belia yang lestari bukan sahaja menyentuh soal kesihatan, malah ia adalah kunci untuk membina masyarakat yang lebih makmur, progresif, dan sejahtera dalam arus pembangunan negeri. Dengan sokongan dana yang ada, kita mampu melahirkan agen perubahan dalam kalangan belia yang bukan sahaja menjaga sahsiah diri sendiri, tetapi turut menjadi pelindung kepada rakan sebaya yang lain.



## RUMUSAN MODERATOR

Dr. Bisha Fathamah binti Uzir merumuskan bahawa perbincangan forum secara keseluruhannya telah berjaya menggariskan satu kerangka tindakan yang holistik dalam menangani isu kesihatan seksual dan reproduktif (SRH) remaja di Negeri Pahang. Beliau menekankan bahawa penyelesaian isu ini menuntut sinergi padu antara tiga aspek utama iaitu sokongan psikososial, pengukuhan institusi keluarga, dan pemeraksanaan peranan komuniti belia.

Dalam mengulas perkongsian daripada Dr. Iskandar Firzada, Dr. Bisha Fathamah binti Uzir menegaskan kepentingan masyarakat untuk tidak meminggirkan remaja yang terkesan sehingga mereka merasa gagal dalam kehidupan. Beliau memberikan penekanan khusus kepada penguasaan kemahiran *Psychological First Aid* (PFA) dalam kalangan masyarakat bagi melahirkan komuniti yang mempunyai empati tinggi dan mampu menjadi pendengar yang baik. Hal ini penting bagi membentuk ekosistem yang saling menyokong demi kelestarian kesihatan mental dan fizikal golongan remaja.

Dari sudut pendidikan dan tarbiyah keluarga yang dibentangkan oleh Dr. Siti Nora' Aeshah, Dr. Bisha Fathamah binti Uzir merumuskan bahawa komunikasi terbuka antara ibu bapa dan anak-anak merupakan kunci utama dalam pendidikan SRH. Beliau menarik perhatian terhadap pendekatan praktikal yang dicadangkan, iaitu merangsang pemikiran kritis anak-anak melalui teknik soal jawab. Dengan menjawab pertanyaan sensitif anak menggunakan soalan semula, ibu bapa dapat membina jambatan kepercayaan serta memupuk kesedaran sendiri dalam diri remaja tanpa menimbulkan rasa takut atau stigma.

Menyentuh aspek kepimpinan belia yang dikupas oleh Encik Saharuddin bin Ahmad, Dr. Bisha Fathamah binti Uzir memberikan tumpuan terhadap keperluan untuk mendekati golongan "Belia Kampung" yang merangkumi sebahagian besar daripada 27.5% populasi belia di Pahang. Beliau merumuskan bahawa pembangunan belia yang lestari harus berasaskan pemahaman mendalam terhadap cara berfikir golongan akar umbi. Kerjasama erat antara agensi kerajaan dan pemimpin belia adalah kritikal bagi memastikan program kesejahteraan benar-benar berkesan dalam membina masyarakat yang makmur, progresif, dan sejahtera.

Sebagai penutup, Dr. Bisha Fathamah binti Uzir menyatakan bahawa integrasi antara sains perubatan, nilai murni agama, dan kepimpinan belia yang dinamik merupakan benteng perlindungan terbaik buat remaja di Negeri Pahang dalam mendepani cabaran sosial masa kini.

## 6.0 UCAPAN ALUAN

Seminar Kependudukan Negeri Pahang Sempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia Tahun 2025 telah dilaksanakan sebagai satu inisiatif strategik bagi membincangkan dinamika kependudukan dan pembangunan keluarga di negeri ini. Kehadiran YBrs. Encik Hairil Fadzly bin Md Akir, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) LPPKN, yang mewakili Ketua Pengarah LPPKN, telah menyerikan majlis sekali gus menzahirkan komitmen tinggi agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam memperkukuh agenda kependudukan negara. Program sulung ini merupakan hasil kerjasama erat antara LPPKN Negeri Pahang bersama Kerajaan Negeri Pahang, Pejabat Ahli Parlimen Paya Besar, dan Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS).

Dalam ucap-tama beliau, YBrs. Encik Hairil Fadzly menekankan bahawa penganjuran seminar ini selaras dengan mandat United Nations Population Fund (UNFPA) yang menetapkan 11 Julai sebagai Hari Penduduk Sedunia. Matlamat utamanya adalah untuk memperkasakan para penggubal dasar, perancang program, dan ahli akademik dengan input penyelidikan terkini berkaitan bidang kependudukan, keluarga, dan kesihatan reproduktif. Melalui platform ini, pelbagai perkongsian idea daripada pakar demografi dan ahli akademik telah dikumpulkan untuk dijadikan usul cadangan yang signifikan bagi membantu penggubalan dasar serta pembangunan program intervensi yang lebih berkesan di peringkat negeri Pahang.

Intipati utama seminar ini memberikan tumpuan khusus kepada tema "Generasi Alpha: Nadi Masa Depan Pembangunan Pahang". YBrs. Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) menghuraikan bahawa Generasi Alpha, iaitu kelompok yang lahir antara tahun 2010 hingga 2025, merupakan ejen perubahan yang bakal mencorak masa depan negeri. Memandangkan mereka membesar sepenuhnya dalam era digital dan kecerdasan buatan, kelompok ini memiliki kelebihan intelektual yang luar biasa. Oleh itu, beliau menegaskan bahawa pembangunan negeri Pahang tidak seharusnya tertumpu kepada infrastruktur fizikal semata-mata, sebaliknya perlu memberi keutamaan kepada pelaburan jangka panjang dalam aspek pembangunan modal insan.

Bagi memastikan potensi Generasi Alpha digilap sepenuhnya, YBrs. Encik Hairil Fadzly menyeru agar kerjasama menyeluruh diwujudkan antara pihak kerajaan, institusi pendidikan, ibu bapa, dan komuniti. Usaha kolektif ini penting bagi menyediakan persekitaran yang kondusif, merangkumi pendidikan holistik, literasi digital yang selamat, serta sokongan emosi yang stabil. Beliau meletakkan harapan tinggi agar generasi ini dibentuk menjadi aset berkualiti yang seimbang dari sudut akhlak, kepimpinan, dan semangat patriotisme demi mendukung visi pembangunan negeri yang lebih mampan dan inklusif.

Sebagai penutup, YBrs. Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) merakamkan penghargaan setinggi-tinggi kepada semua rakan strategik dan barisan panel yang menjayakan seminar ini. Beliau percaya bahawa melalui komitmen padu semua pihak, sebuah ekosistem kependudukan yang responsif terhadap cabaran masa hadapan dapat dibina. Segala dapatan daripada seminar ini diharapkan dapat memperkayakan wacana nasional dan menjadi pemangkin kepada kesejahteraan rakyat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

## **7.0 UCAPAN PERASMIAN**

Majlis perasmian Seminar Kependudukan Negeri Pahang Sempena Sambutan Hari Penduduk Sedunia Tahun 2025 telah disempurnakan dengan penuh takzim oleh YB. Dato' Hajah Sabariah binti Saidan, EXCO Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang. Dalam ucapan perasmian tersebut, beliau menzahirkan rasa syukur dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Pahang serta rakan-rakan strategik termasuk Parlimen Paya Besar dan Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UniPSAS) atas komitmen jitu dalam menganjurkan program yang sangat signifikan bagi menyemarakkan kesedaran awam terhadap isu kependudukan di peringkat negeri mahupun global.



Seminar pada tahun ini mengangkat tema “Generasi Alpha: Nadi Masa Depan Pembangunan Pahang”, yang bermatlamat untuk memperkasakan anak-anak kelahiran tahun 2010 ke atas sebagai bakal pemimpin dan penentu hala tuju negara. YB. Dato' Hajah Sabariah menegaskan bahawa golongan ini memerlukan ekosistem pembangunan yang seimbang, merangkumi pendidikan awal, kesihatan mental dan fizikal, serta persekitaran digital yang selamat. Beliau turut menggariskan cabaran dinamika penduduk di Pahang, terutamanya trend penurunan kadar kelahiran yang menuntut pelaksanaan dasar yang lebih menyokong keluarga muda, termasuk akses kepada penjagaan anak yang berkualiti serta persekitaran kerja yang mesra keluarga.

Dalam mendepani isu sosial dan kesihatan reproduktif, Kerajaan Negeri Pahang melalui kerjasama erat dengan LPPKN telah memperkenalkan pelbagai intervensi bersasar. Antara inisiatif utama yang diketengahkan termasuklah Program Bantuan Rawatan Kesuburan (BuAi) bagi membantu pasangan mendapatkan zuriat, Program PEKERTI untuk menangani salah laku seksual remaja, serta pelbagai kursus kemahiran keibubapaan digital dan keutuhan keluarga. Usaha ini diperkukuhkan lagi melalui Program Inisiatif Makmur Pahang (I.M. Pahang) yang menyediakan bantuan menyeluruh seperti Kad Kesihatan Kasih Makmur untuk warga emas dan OKU, bantuan siswa, serta insentif pasangan pengantin bagi membina institusi

kekeluargaan yang stabil dan berdaya tahan.

Selain bantuan berbentuk material, YB. Dato' Hajah Sabariah turut menyoroti kepentingan Program Sentuhan Rakyat Makmur yang dilaksanakan di 11 daerah sebagai medium untuk menyantuni rakyat secara langsung dan mendengar keluhan akar umbi. Beliau menyeru agar semua sektor—kerajaan, swasta, dan komuniti—berganding bahu membentuk Generasi Alpha yang bukan sahaja celik teknologi, malah memiliki sahsiah tinggi, berintegriti, dan berpaksikan nilai kekeluargaan. Tanggungjawab mendidik anak-anak dalam era kecerdasan buatan ini memerlukan sokongan holistik agar ibu bapa dapat memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan dalam mendepani cabaran zaman.

Sebagai penutup, beliau berharap agar segala dapatan dan usul daripada seminar ini dapat diterjemahkan kepada tindakan yang berimpak tinggi serta menjadi input penting kepada Kerajaan Negeri dalam merancang pembangunan yang inklusif dan lestari. Beliau percaya bahawa melalui jaringan kerjasama rentas sektor yang padu, Negeri Pahang mampu melahirkan generasi masa depan yang progresif dan sejahtera, sekali gus menjamin kemakmuran negeri untuk jangka masa panjang.



## 8.0 MAKLUM BALAS PESERTA





